



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

JPES pantau harga air botol, nasihat peruncit beretika

1. Berikutan gangguan bekalan air yang sedang berlaku, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna (JHEP) meneruskan pemeriksaan dan pemantauan di premis-premis perniagaan, terutama sekali bagi penjualan air botol.
2. Pemeriksaan ini dilaksanakan bagi memantau harga dan memastikan peniaga mematuhi peruntukan undang-undang dan tidak mengambil kesempatan daripada keadaan semasa dengan menaikkan harga secara berlebihan atau tidak munasabah ke atas barangan dan perkhidmatan, terutamanya barangan keperluan asasi yang mengalami peningkatan permintaan.
3. JPES mengingatkan para peniaga supaya tidak mengambil kesempatan terhadap gangguan sementara bekalan air. Sebarang kenaikan harga yang tidak munasabah dan membebankan pengguna dipandang serius dan boleh menjadi satu kesalahan di bawah perundangan perlindungan pengguna yang sedia ada.
4. Orang ramai yang berdepan dengan isu kenaikan harga berlebihan atau tidak munasabah adalah dialu-alukan untuk menyalurkan aduan tersebut kepada Jabatan Hal Ehwal Pengguna melalui Talian Darussalam 123 atau melalui emel aduanpengguna@jpes.gov.bn. Sebarang aduan hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan seperti resit pembelian, gambar harga, atau maklumat lain yang berkaitan, bagi memudahkan penelitian atau tindakan penguatkuasaan selanjutnya.
5. JPES akan terus melaksanakan pemantauan dan akan mengambil tindakan penguatkuasaan yang bersesuaian bagi melindungi kepentingan pengguna serta menggalakkan amalan perniagaan yang adil dan beretika.

#####

Disediakan oleh:

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

E-mel: dca@jpes.gov.bn

Rujukan : (02)JPES/CAD/AKTA/Pt.13

Tarikh : 13 Syaaban 1447 / 1 Februari 2026



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

DEPS monitors bottled water prices, advises retailers on ethical pricing

1. In view of the current water supply disruption, the Department of Economic Planning and Statistics (DEPS), through its Consumer Affairs Division, continues to conduct inspection and monitoring activities at retail premises, particularly in relation to the sale of bottled water.
2. These inspections are being carried out to monitor prices and to ensure that businesses act responsibly and do not take advantage of the situation by imposing excessive or unreasonable price increases on goods and services, especially essential items that have experienced increased consumer demand. During the inspections, businesses were also advised to display prices clearly, accurately, and not misleading to promote price transparency and to assist consumers in making informed purchasing decisions.
3. DEPS reminds all businesses not to exploit the temporary disruption in the water supply. Unreasonable price hikes that burden consumers are viewed seriously and may constitute an offence under existing consumer protection legislation.
4. Members of the public who encounter cases of excessive or unreasonable price increases are encouraged to report the matter to the Department of Consumer Affairs via Talian Darussalam 123 or by email at consumercomplaint@jpes.gov.bn. Reports should be accompanied by supporting documents such as receipts, photographs of price displays, or other relevant information, to facilitate necessary assessment or enforcement action.
5. DEPS will continue to closely monitor the situation and take the necessary enforcement actions to safeguard consumer interests and to promote fair and ethical business practices.

#####

Prepared by:

Department of Economic Planning and Statistics

Ministry of Finance and Economy

Email: dca@jpes.gov.bn

Reference : (02)JPES/CAD/AKTA/Pt.13

Date : 13 Syaaban 1447 / 1 February 2026